



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 2013**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN JURURAWAT DENGAN  
MEMPERUNTUKKAN PERBEKALAN KENAIKAN PANGKAT KE  
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai peruntukan perbekalan kenaikan pangkat ke Kumpulan Pengurusan Tertinggi bagi skim perkhidmatan Jururawat.

**LATAR BELAKANG**

2. Perkembangan profesion kejururawatan perlu dinamik ekoran daripada perubahan dan kehendak perkhidmatan semasa, skop tugas yang luas dan kompleks dalam menangani perubahan-perubahan pantas dan drastik yang berlaku dalam sistem kesihatan negara dan juga pentadbiran awam. Di samping itu, kepentingan perkhidmatan Jururawat turut diambil kira bagi memperkukuh serta memantapkan tadbir urus *clinical governance* dan penggubalan dasar-dasar yang berkaitan dengan Jururawat dan perancangan program pembangunan perkhidmatan kejururawatan untuk mencapai Dasar Kesihatan Kebangsaan.

3. Sehubungan dengan itu, kerajaan bersetuju supaya diwujudkan jawatan kenaikan pangkat Jururawat ke peringkat Kumpulan Pengurusan Tertinggi bagi membantu Kementerian Kesihatan Malaysia menggubal dasar-dasar yang berkaitan dengan Jururawat dan perancangan program pembangunan perkhidmatan kejururawatan untuk mencapai dasar-dasar dan objektif kementerian.

#### **PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN**

4. Skim perkhidmatan Jururawat Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48, U52, U54 sedia ada adalah dipinda dengan memperuntukkan perbekalan kenaikan pangkat ke Gred Utama/Gred Khas dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan Jururawat yang sedang berkuat kuasa dikekalkan. Skim perkhidmatan Jururawat yang baharu adalah seperti di **Lampiran A**, manakala contoh format iklan adalah seperti di **Lampiran B**.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

5. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2013**.

#### **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Jururawat di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2005 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURURAWAT**

**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, PELAKSANA  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**  
**GRED JAWATAN/GAJI** : **U29, U32, U36, U41/42, U44, U48, U52, U54**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 JUN 2013**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29**

- (c) Diploma Kejururawatan daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,687.59);

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41**

- (d) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: RM2,259.08).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah lulus dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jururawat Masyarakat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM  
TRANSFORMASI MINDA**

7. Jururawat dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

8. Jururawat yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

9. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

10. Jururawat hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U32**

11. Jururawat Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U32 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U36**

12. Jururawat Gred U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U36 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U42**

13. (a) Jururawat Gred U29 atau U32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:
- (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(d) di atas;
  - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iv) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Jururawat Gred U36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U42 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U44**

14. Jururawat Gred U41/U42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U48**

15. Jururawat Gred U44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED U52**

16. Jururawat Gred U48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE  
GRED U54**

17. Jururawat Gred U52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jururawat Gred U54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

18. Jururawat Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN KE  
JAWATAN PENGAJAR**

19. Jururawat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Jururawat yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 27 Tahun 2005).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)